

TARIKH	27 / 6 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

Kuota haji: Malaysia belum terima keputusan rasmi

KUALA LUMPUR - Malaysia masih belum menerima keputusan rasmi berhubung pengurangan 20 peratus kuota jemaah haji negara tahun ini daripada kerajaan Arab Saudi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Berikutan itu, katanya Lembaga Tabung Haji (TH) belum boleh mengeluarkan senarai akhir jemaah haji Malaysia tahun ini.

"Kuota jemaah haji merupakan hak mutlak kerajaan Arab Saudi. Selagi mana kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan hitam putih, maksud saya kuota yang sebenar, maka kita tidak boleh bergerak melebihi landasan.

"Sebab itu, pada setiap tahun kita ambil pendekatan untuk menunggu hingga sampai saat terakhir kuota jemaah haji dikeluarkan dalam bentuk hitam putih daripada Arab Saudi," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan zakat perniagaan TH kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan akhbar semalam yang melaporkan Indonesia menuntut pampasan daripada Arab Saudi berikutan kerugian yang ditanggung selepas Riyadh mengurangkan kuota jemaah haji sehingga 20 peratus tahun ini.

Jamil Khir berkata Malaysia tidak bercadang menuntut ganti rugi daripada kerajaan Arab Saudi jika ada pengurangan kuota jemaah haji.

Ini kerana Malaysia mengamalkan pendekatan pengurusan ibadat haji begitu kukuh menerusi konsep kerajaan

dengan kerajaan iaitu hanya satu badan yang mengeluarkan visa haji daripada kerajaan Arab Saudi kepada TH.

"Tetapi kebanyakan negara mengeluarkan visa haji dari kedutaan kepada pelbagai kelompok dan agensi yang mengurus jemaah haji juga banyak berikutan tiada pengawalan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Jamil Khir berkata umat Islam semakin menyedari tanggungjawab tunai zakat apabila kutipan di Wilayah Persekutuan catat peningkatan 15 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini.

"Kutipan zakat bagi Januari hingga Jun tahun ini mencatatkan jumlah RM171 juta berbanding RM150 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas. Ini satu trend memberangsangkan bagi Wilayah Persekutuan dan menggambarkan kekuatan ekonomi umat Islam semakin berkembang," katanya. - Bernama



Jamil Khir (tengah) menyaksikan penyerahan replika cek RM4,274,611.38 daripada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail (kiri) kepada Pengerusi Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Datuk Mustafa Abdul Rahman.